

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.3 (2)

5 Mac 2015
14 Jamadilawal 1436

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 7/2015

PENSTRUKTURAN SEMULA TADBIR URUS PENYELIDIKAN UTM

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 81 yang telah diadakan pada 14 Januari 2015 telah meluluskan Penstrukturan Semula Tadbir Urus Penyelidikan Universiti berkuat kuasa mulai 15 Februari 2015. Objektif utama penstrukturan semula ini adalah untuk memperkasakan aktiviti penyelidikan seperti yang digariskan dalam Pelan Global UTM Fasa 2 (2015 – 2017).

2. Melalui penstrukturan ini, *Research Alliance* (RA) distrukturkan semula kepada 5 bidang tujahan utama seperti berikut :

- i. ***Frontier Materials***
- ii. ***Health and Wellness***
- iii. ***Smart Digital Community***
- iv. ***Resource Sustainability***
- v. ***Innovative Engineering***

3. Manakala 26 Pusat Kecemerlangan (CoE) UTM telah digabungkan kepada 6 institut seperti berikut:

- i. ***Research Institute for Sustainable Environment (RISE)***
- ii. ***Institute for Vehicle Systems and Engineering (IVeSE)***
- iii. ***Ibnu Sina Institute for Scientific & Industrial Research (ISI-SIR)***
- iv. ***Institute for Smart Infrastructures and Innovative Construction (ISIIC)***
- v. ***Institute of Human Centered Engineering (IHCE)***
- vi. ***Institute of Future Energy (IFE)***

4. Sehubungan dengan perubahan ini, keahlian 10 RA terdahulu akan diserapkan ke dalam 5 RA baharu, seperti berikut:

Bil.	RA Lama	RA Baharu
1	<i>Materials and Manufacturing, Nanotechnology</i>	<i>Frontier Materials</i>
2	<i>Biotechnology</i>	<i>Health and Wellness</i>
3	<i>K-Economy</i>	<i>Smart Digital Community</i>
4	<i>Energy, Sustainability, Water</i>	<i>Resource Sustainability</i>
5	<i>Construction, Infocomm, Transportation</i>	<i>Innovative Engineering</i>

5. Penstrukturan semula ini juga akan melibatkan perubahan kedudukan Kumpulan Penyelidikan (RG) seperti berikut:

- i. Kumpulan penyelidikan (RG) *single-faculty-based* adalah diselia oleh fakulti dengan penyeliaan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi).
- ii. Kumpulan penyelidikan (RG) *multi-faculty-based* diselia oleh Dekan Penyelidikan RA.

6. Maklumat lanjut mengenai penempatan pejabat dan perincian penyandang jawatan Dekan dan Pengarah Kanan boleh dicapai melalui laman sesawang <http://www.utm.my/office-dvcni>.

7. Sehubungan itu, semua staf diminta mengambil maklum mengenai penstrukturan semula tadbir urus penyelidikan Universiti ini dan segala urusan berkaitan penyelidikan Universiti hendaklah mengambil kira perubahan yang telah dilakukan.

Sekian, untuk makluman.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,


WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k.
- YBhg Datuk Naib Canselor
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Bendahari
 - Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina
 - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah